



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGARUH PENGETAHUAN, KEPERCAYAAN DAN ORIENTASI
PRINSIP TERHADAP TINGKAH LAKU BERETIKA DALAM KALANGAN
KAUNSELOR DI MALAYSIA***

NURUL HASYIMAH MAT RANI

FPP 2018 2



**PENGARUH PENGETAHUAN, KEPERCAYAAN DAN ORIENTASI
PRINSIP TERHADAP TINGKAH LAKU BERETIKA DALAM
KALANGAN KAUNSELOR DI MALAYSIA**

Oleh

NURUL HASYIMAH BINTI MAT RANI

**Tesis yang Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Ogos 2017

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar-gambar dan semua karya seni lain, adalah hak cipta Universiti Putra Malaysia melainkan dinyatakan sebaliknya. Sebarang penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini untuk tujuan bukan komersial dari pemegang hak cipta. Penggunaan secara komersil bahan hanya boleh dibuat dahulu dengan kebenaran bertulis daripada Universiti Putra Malaysia

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PENGARUH PENGETAHUAN, KEPERCAYAAN DAN ORIENTASI
PRINSIP TERHADAP TINGKAH LAKU BERETIKA DALAM
KALANGAN KAUNSELOR DI MALAYSIA**

Oleh

NURUL HASYIMAH BINTI MAT RANI

Ogos 2017

Pengerusi : Wan Marzuki Bin Wan Jaafar, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Tingkah laku beretika amat penting dalam perkhidmatan kaunseling yang dijalankan oleh kaunselor. Pengetahuan etika, kepercayaan etika dan orientasi prinsip etika memberi kesan kepada tingkah laku beretika kaunselor ketika menjalankan perkhidmatan kaunseling. Kajian ini mengkaji pengaruh antara pengetahuan etika, kepercayaan etika, orientasi prinsip etika dan tingkah laku beretika kaunselor di Malaysia. Kajian ini juga turut melihat perbezaan antara kaunselor berdaftar dan kaunselor tidak berdaftar dalam aspek pengetahuan etika, kepercayaan etika, orientasi prinsip etika dan tingkah laku beretika kaunselor di Malaysia.

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian korelasi. Sampel kajian adalah kaunselor berdaftar dan kaunselor tidak berdaftar yang melibatkan seramai 355 kaunselor di seluruh Malaysia. Kajian ini menggunakan persampelan rawak mudah. Alat ukur yang digunakan adalah *Ethics and Legal Issues in Counselling Questionnaire-Revised (ELICQ-R)* untuk mengukur pengetahuan etika, *Ethics Practice Survey* untuk mengukur kepercayaan etika dan tingkah laku beretika serta *Ethical Decision-Making Scale-Revised (EDMS-R)* untuk mengukur orientasi prinsip etika. Data kajian telah dianalisis secara deskriptif yang melibatkan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piaui. Manakala bagi analisis secara inferensi, analisis ujian-*t*, ANOVA sehala, korelasi Pearson, analisis regresi linear dan analisis regresi berganda digunakan di dalam kajian ini.

Analisis korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan etika dan tingkah laku beretika kaunselor ($r = .262, p < .05$). Seterusnya hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara

kepercayaan etika dan tingkah laku beretika kaunselor ($r = .160$, $p < .05$). Walau bagaimanapun, tidak terdapat hubungan yang signifikan antara orientasi prinsip etika dan tingkah laku beretika kaunselor ($r = -.65$, $p > .05$). Dapatkan analisis regresi berganda pula menunjukkan hanya pengetahuan etika dan kepercayaan etika merupakan peramal bagi tingkah laku beretika kaunselor di Malaysia.

Dapatkan kajian ini dapat memberi panduan kepada kaunselor untuk meningkatkan tingkah laku beretika mereka khususnya dari segi pengetahuan etika, kepercayaan etika dan orientasi prinsip etika agar perkhidmatan kaunseling dapat dijalankan secara beretika dan bermanfaat. Secara keseluruhannya hasil kajian ini memberikan implikasi yang amat berguna dalam profesi kaunseling khususnya dalam bidang etika kaunseling, kurikulum kaunseling dan penyelidikan kaunseling di Malaysia.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment
of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**INFLUENCE OF KNOWLEDGE, BELIEF AND PRINCIPLE
ORIENTATION ON ETHICAL BEHAVIOR AMONG COUNSELOR IN
MALAYSIA**

By

NURUL HASYIMAH BINTI MAT RANI

August 2017

Chairman : Wan Marzuki Bin Wan Jaafar, PhD
Faculty : Educational Studies

Ethical behavior is important in counseling services. Ethical knowledge, ethical belief and ethical principle orientation will impact the ethical behavior of counselors when conducting counseling services. As a result, this study was to investigate the influence of ethical knowledge, ethical beliefs, ethical principle orientation on ethical behavior among counselors in Malaysia. The study investigates a difference between registered and unregistered counselors in ethical knowledge, ethical belief, ethical principle orientation and ethical behavior of counselors in Malaysia.

The correlational research design was used. The sample size was 355 counselors including registered counselor and unregistered counselors all over Malaysia. The instruments used is the Ethics and Legal Issues in Counseling Questionnaire-Revised (ELICQ-R) to measure the ethical knowledge, Ethics Practice Survey to measure the ethical belief and ethical behavior as well as Ethical-Decision-Making Scale-Revised (EDMS-R) for measuring the ethical principle orientation. Data were analyzed by descriptive study involving frequency, percentage, mean and standard deviation. As for the inferential analysis, t-test analysis, one way ANOVA, Pearson correlation, linear regression analysis and multiple regression analysis were used in this study.\

Correlation analysis showed a significant relationship between ethical knowledge and ethical behavior of counselors ($r = .262, p < .05$). Further results showed that there was a significant relationship between ethical beliefs and ethical behavior of counselors ($r = .160, p < .05$). However, there was no significant relationship between ethical principle orientation and ethical behavior of counselor ($r = -.65, p > .05$). The result of multiple regression analysis showed that only the ethical

knowledge and ethical beliefs is a predictor of ethical behavior among counselors in Malaysia. In addition, the study showed that the ethical principle orientation is not a predictor of ethical behavior of counselors in Malaysia.

The findings of this study can provide guideline to counselors improve their ethical behavior, particularly in terms of ethical knowledge, ethical beliefs and ethical principle orientation to practice ethically. Overall results of this study imply that very useful in the counseling profession, especially in the field of ethics counseling, counseling curriculum and research in Malaysia.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah SWT yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Alhamdulillah, dengan izin, kuasa dan hidayah-Mu Ya Allah, tesis ini dapat disempurnakan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia utama saya, Dr. Wan Marzuki Wan Jaafar, yang tidak jemu memberi tunjuk ajar, nasihat dan sentiasa meluangkan masa untuk menyelia saya selama ini. Jutaan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan saya, Profesor Dr. Sidek Mohd Noah atas tunjuk ajar dan idea, dalam membimbing saya sepanjang PhD ini, Penghargaan khas kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan saya sebelum ini, Dr. Maznah Baba yang sering memberi nasihat dan mendorong saya menyempurnakan tesis ini.

Jutaan terima kasih kepada suami saya, Mohd. Khairul Affandi yang sentiasa menyokong dan mendoakan saya. Buat permata hati tersayang, Nur Eryna Batrisya dan Muhammad Darwisy Ar Rayyan, anakanda berdua sentiasa sabar dan memahami tugas saya siang dan malam. Terima kasih juga kedua ibubapa saya, Mat Rani Awang dan Zabidah Awang, keluarga mertua dan adik beradik atas doa, nasihat, dan sokongan yang membuatkan saya lebih kuat dalam menempuh dugaan dan cabaran selama ini.

Terima kasih tidak terhingga kepada semua sahabat yang sentiasa menyokong saya secara langsung dan tak langsung yang sentiasa membantu tidak kira dari segi masa dan tenaga sepanjang perjalanan PhD ini. Sekalung penghargaan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Kementerian Pengajian Tinggi kerana memberi peluang dan menyediakan sokongan kewangan kepada saya sepanjang pengajian PhD. Tidak lupa, jutaan terima kasih kepada kaunselor di seluruh Malaysia yang sudi menjadi peserta kajian saya. Akhir kata, syukur yang tidak terhingga kepada Yang Maha Kuasa, Allah SWT kerana dengan rahmah dan limpah kurnia-NYA saya berjaya mengharungi segala cabaran dan dugaan sepanjang perjalanan PhD ini. Alhamdulillah.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 23 Ogos 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Nurul Hasyimah binti Mat Rani bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Pengaruh Pengetahuan, Kepercayaan dan Orientasi Prinsip terhadap Tingkah Laku Beretika dalam Kalangan Kaunselor di Malaysia” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Tajularipin bin Sulaiman, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Hj. Jamaludin bin Ahmad, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Asmawati binti Suhid, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Ruhani Mat Min, PhD

Profesor Madya
Universiti Malaysia Terengganu
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



NOR AINI AB. SHUKOR, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 29 Januari 2018

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli - ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Wan Marzuki Bin Wan Jaafar, PhD

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Sidek Bin Mohd Noah, PhD

Profesor

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

Maznah Baba, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Nurul Hasyimah Mat Rani, GS30084

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah- Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: Profesor Madya Dr Wan Marzuki Wan Jaafar

Tandatangan : _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Profesor Dr. Sidek Mohd Noah

Tandatangan : _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Dr Maznah Baba

ISI KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xix
SENARAI SINGKATAN	xx

BAB

1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Persoalan Kajian	11
1.6 Hipotesis Kajian	12
1.7 Signifikan Kajian	14
1.8 Batasan Kajian	17
1.9 Definisi Konseptual Dan Operasional	17
1.9.1 Pengetahuan Etika	17
1.9.2 Kepercayaan Etika	18
1.9.3 Orientasi Prinsip Etika	18
1.9.4 Tingkah Laku Beretika	19
1.9.5 Etika	19
1.9.6 Kaunselor	20
1.9.7 Kaunselor Berdaftar	20
1.10 Rumusan	20
2 KAJIAN LITERATUR	22
2.1 Pendahuluan	22
2.2 Etika, Moral dan Etika Profesional	22
2.3 Kepentingan Pengetahuan Etika	24
2.4 Kepentingan Kepercayaan Etika	26
2.5 Kepentingan Orientasi Prinsip Etika	28
2.6 Kepentingan Tingkah Laku Beretika	30
2.7 Teori Etika dan Model Etika	35
2.7.1 Teori Etika Utilitarianism	35
2.7.2 Teori Etika Deontologi (Teori Etika Kantian)	38
2.7.3 Teori Etika Kebaikan (<i>Virtue</i>)	40
2.7.4 Teori Perkembangan Moral Kohlberg	42
2.7.5 Pendekatan Al-Ghazali	44
2.7.6 Model Penilaian Kritikal	47

2.8	2.7.7 Model Orientasi Etika	50
2.8	Kerangka Teoritikal Kajian	53
2.9	Kajian-Kajian Lepas Berkaitan Kajian	56
	2.9.1 Pengetahuan Etika	56
	2.9.2 Kepercayaan Etika	61
	2.9.3 Orientasi Prinsip Etika	63
	2.9.4 Tingkah Laku Beretika	65
	2.9.5 Faktor Demografi dan Tingkah Laku Etika	69
2.10	Kerangka Konseptual Kajian	70
2.11	Rumusan	72
3	METODOLOGI	73
3.1	Pendahuluan	73
3.2	Reka Bentuk Kajian	73
3.3	Populasi	73
3.4	Teknik Persampelan	74
3.5	Anggaran Saiz Sampel	76
	3.5.1 Kuasa statistik	78
	3.5.2 Saiz Kesan	78
	3.5.3 Anggaran Saiz Sampel untuk Ujian- <i>t</i>	79
	3.5.4 Anggaran Saiz Sampel untuk Ujian ANOVA Sehala	80
	3.5.5 Anggaran Saiz Sampel untuk Korelasi Pearson	81
	3.5.6 Anggaran Saiz Sampel Untuk Regresi Linear dan Regresi Berganda	81
3.6	Instrumen Kajian	83
	3.6.1 Bahagian A: Bahagian Demografi	83
	3.6.2 Bahagian B: Ethical and Legal Issues in Counseling Questionnaire- Revised (ELICQ-R)	83
	3.6.3 Bahagian C: Ethics of Practice Survey	85
	3.6.4 Bahagian D: Ethical Decision-Making Scale-Revised (EDMS-R)	88
3.7	Prosedur Penterjemahan Soal Selidik Kajian	91
3.8	Kesahan, Kajian Kintis dan Kebolehpercayaan Instrumen	92
	3.8.1 Kesahan Instrumen	93
	3.8.2 Kajian Rintis	98
	3.8.3 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	98
3.9	Prosedur Kajian	100
3.10	Analisis Data	101
3.11	Rumusan	107
4	DAPATAN KAJIAN	108
4.1	Pendahuluan	108
4.2	Pola Faktor Demografi dan Pemboleh Ubah Kajian	109
	4.2.1 Pola Faktor Demografi	109
	4.2.2 Pola Pengetahuan Etika Kaunselor di Malaysia	111
	4.2.3 Pola Kepercayaan Etika Kaunselor di Malaysia	111
	4.2.4 Pola Orientasi Prinsip Etika Kaunselor di Malaysia	113

4.3	4.2.5 Pola Tingkah Laku Beretika Kaunselor di Malaysia Skor Pemboleh Ubah Kajian	113 114
4.4	4.3.1 Skor Pengetahuan Etika Kaunselor di Malaysia 4.3.2 Skor Kepercayaan Etika Kaunselor di Malaysia 4.3.3 Skor Orientasi Etika Kaunselor di Malaysia 4.3.4 Skor Tingkah Laku Beretika Kaunselor di Malaysia Dapatan Analisis Inferensi bagi Semua Pemboleh Ubah Kajian	114 115 115 118 118
4.4.1	Perbezaan Pengetahuan Etika Berdasarkan Faktor Demografi Kaunselor di Malaysia	121
4.4.2	Perbezaan Kepercayaan Etika Berdasarkan Faktor Demografi Kaunselor di Malaysia	124
4.4.3	Perbezaan Orientasi Prinsip Etika Berdasarkan Faktor Demografi Kaunselor di Malaysia	127
4.4.4	Perbezaan Tingkah Laku Beretika Kaunselor di Malaysia Berdasarkan Faktor Demografi	130
4.4.5	Perbezaan Pengetahuan Etika, Kepercayaan Etika, Orientasi Prinsip Etika dan Tingkah Laku Beretika Kaunselor Berdaftar dan Kaunselor Tidak Berdaftar di Malaysia	134
4.4.6	Hubungan antara Pengetahuan Etika, Kepercayaan Etika, Orientasi Prinsip Etika dan Tingkah Laku Beretika Kaunselor di Malaysia	136
4.4.7	Pengaruh antara Pengetahuan Etika, Kepercayaan Etika, Orientasi Prinsip Etika Dan Tingkah Laku Beretika Kaunselor di Malaysia	140
4.5	Ringkasan Analisis Data Kajian	152
4.6	Rumusan	155
5	PERBINCANGAN, IMPLIKASI, CADANGAN	156
5.1	Pendahuluan	156
5.2	Ringkasan Kajian	156
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	158
5.3.1	Pola Faktor Demografi dalam Kalangan Kaunselor di Malaysia	158
5.3.2	Pola Pengetahuan Etika Dalam Kalangan Kaunselor di Malaysia	161
5.3.3	Pola Kepercayaan Etika Dalam Kalangan Kaunselor di Malaysia	162
5.3.4	Pola Orientasi Prinsip Etika dalam Kalangan Kaunselor di Malaysia	163
5.3.5	Pola Tingkah Laku Beretika dalam Kalangan Kaunselor di Malaysia	163
5.3.6	Perbezaan Faktor Demografi dan Pengetahuan Etika Kaunselor di Malaysia.	164
5.3.7	Perbezaan Faktor Demografi dan Orientasi Prinsip Etika Etika Kaunselor di Malaysia.	165
5.3.8	Perbezaan Faktor Demografi Terhadap Tingkah Laku Kaunselor di Malaysia.	165

5.3.9	Perbezaan antara Kaunselor Berdaftar dan Kaunselor Tidak Berdaftar dalam Aspek Pengetahuan Etika, Kepercayaan Etika, Orientasi Prinsip Etika dan Tingkah Laku Beretika Kaunselor	167
5.3.10	Hubungan dan Pengaruh Antara Pengetahuan Etika, Kepercayaan Etika, Orientasi Prinsip Etika dan Tingkah Laku Etika dalam Kalangan Kaunselor di Malaysia.	168
5.4	Implikasi Teoritikal	171
5.5	Implikasi Praktikal	172
5.5.1	Penerapan Aspek Pengetahuan Etika Dalam Kurikulum Program Kaunseling	172
5.5.2	Penerapan Aspek Orientasi Prinsip Etika dalam Kalangan Kaunselor di Malaysia	173
5.5.3	Penerapan Tingkah Laku Etika kepada Kaunselor di Malaysia	173
5.5.4	Peranan Lembaga Kaunselor Malaysia dalam Meningkatkan Pengetahuan, Kepercayaan, Orientasi Prinsip dan Tingkah Laku Beretika Kaunselor	173
5.6	Cadangan	174
5.7	Penutup	175
	BIBLIOGRAFI	176
	LAMPIRAN	187
	BIODATA PELAJAR	220
	SENARAI PENERBITAN	221

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1	Teori Perkembangan Moral Kohlberg	43
2	Jumlah Sampel Minimum Responden Berdasarkan Program Analisis G*Power	82
3	Ringkasan Jumlah Responden Kajian	82
4	Subskala ELICQ-R	84
5	Skor Tahap Pengetahuan Etika Kaunselor	85
6	Pengurangan Item bagi <i>Ethics Practice Survey</i>	86
7	Item Positif dan Negatif bagi <i>Ethics Practice Survey</i>	86
8	Skor Tahap Tingkah Laku Beretika Kaunselor	87
9	Konstruk bagi <i>Ethics Practice Survey</i>	87
10	Skor Tahap Kepercayaan Etika Kaunselor	88
11	Konstruk Orientasi Prinsip Etika	90
12	Maklumat Penterjemah Instrumen Kajian	92
13	Panel Penilai Pakar Kesahan Kandungan Instrumen	93
14	Kesahan Kandungan ELICQ-R	95
15	Kesahan Kandungan <i>Ethics Practice Survey</i>	95
16	Kesahan Kandungan EDMS-R	96
17	Kebolehpercayaan Instrumen kajian	99
18	Ringkasan Analisis Data Kajian	103
19	Maklumat Demografi Responden	110
20	Pola Pengetahuan Etika Kaunselor	111
21	Pola Kepercayaan Etika Kaunselor	112

22	Pola Tahap Orientasi Etika Kaunselor	113
23	Pola Skor Prinsip (Skor-P) Etika Kaunselor	113
24	Pola Tingkah laku Etika Kaunselor	114
25	Skor Pengetahuan Etika	115
26	Skor Kepercayaan Etika	115
27	Skor Orientasi Hukuman	116
28	Skor Orientasi Institusi	116
29	Skor Orientasi Masyarakat	117
30	Skor Orientasi Individu	117
31	Skor Orientasi Prinsip	118
32	Skor Tingkah Laku Beretika	118
33	Perbezaan Pengetahuan Etika Berdasarkan Umur Kaunselor di Malaysia	121
34	Ringkasan Perbezaan Pengetahuan Etika Berdasarkan Umur Kaunselor di Malaysia	122
35	Perbezaan Pengetahuan Etika berdasarkan Jantina Kaunselor di Malaysia	122
36	Perbezaan Pengetahuan Etika Berdasarkan Pengalaman Kaunselor di Malaysia	123
37	Ringkasan Perbezaan Pengetahuan Etika Berdasarkan Pengalaman Kaunselor di Malaysia	123
38	Perbezaan Pengetahuan Etika Berdasarkan Kelayakan Kaunselor di Malaysia	124
39	Perbezaan Kepercayaan Etika Berdasarkan Umur Kaunselor di Malaysia	125
40	Ringkasan Perbezaan Kepercayaan Etika Berdasarkan Umur Kaunselor di Malaysia	125

41	Ringkasan Perbezaan Kepercayaan Etika Berdasarkan Jantina Kaunselor di Malaysia	126
42	Perbezaan Kepercayaan etika Berdasarkan Pengalaman Kaunselor di Malaysia	126
43	Ringkasan Perbezaan Kepercayaan etika Berdasarkan Pengalaman Kaunselor di Malaysia	127
44	Ringkasan Kepercayaan Pengetahuan Etika Berdasarkan Kelayakan Kaunselor di Malaysia	127
45	Ringkasan Perbezaan Orientasi Prinsip Etika Berdasarkan Umur Kaunselor di Malaysia	128
46	Ringkasan Perbezaan Orientasi Prinsip Etika Kaunselor Berdasarkan Umur Kaunselor di Malaysia	128
47	Ringkasan Perbezaan Orientasi Prinsip Etika dan Jantina Kaunselor Di Malaysia	129
48	Perbezaan Orientasi Prinsip Etika dan Pengalaman Kaunselor di Malaysia	129
49	Ringkasan Perbezaan Orientasi Prinsip Etika Berdasarkan Pengalaman Kaunselor di Malaysia	130
50	Ringkasan Perbezaan Orientasi Prinsip Etika Berdasarkan Kelayakan Kaunselor di Malaysia	130
51	Perbezaan Tingkah Laku Beretika Berdasarkan Umur Kaunselor di Malaysia	131
52	Ringkasan Perbezaan Tingkah Laku Beretika Berdasarkan Umur Kaunselor di Malaysia	131
53	Ringkasan Perbezaan Jantina Terhadap Tingkah Laku Beretika Kaunselor di Malaysia	132
54	Ringkasan Perbezaan Tingkah Laku Beretika Berdasarkan Pengalaman Kaunselor di Malaysia	133
55	Ringkasan Perbezaan Tingkah Laku Beretika Berdasarkan Pengalaman Kaunselor di Malaysia	133
56	Ringkasan Perbezaan Tingkah Laku Beretika Berdasarkan	134

	Kelayakan Kaunselor di Malaysia.	
57	Pengetahuan Etika antara Kaunselor Berdaftar dan Kaunselor Tidak Berdaftar	134
58	Ringkasan Kepercayaan Etika antara Kaunselor Berdaftar dan Kaunselor Tidak Berdaftar di Malaysia	135
59	Ringkasan Orientasi Prinsip Etika antara Kaunselor Berdaftar dan Kaunselor Tidak Berdaftar di Malaysia	136
60	Ringkasan Tingkah Laku Beretika antara Kaunselor Berdaftar dan Kaunselor Tidak Berdaftar di Malaysia	136
61	Ringkasan Hubungan antara Pengetahuan Etika dan Tingkah Laku Beretika Kaunselor di Malaysia	137
62	Ringkasan Hubungan antara Konstruk Pengetahuan Etika dan Tingkah Laku Beretika Kaunselor di Malaysia	138
63	Ringkasan Hubungan antara Kepercayaan Etika dan Tingkah Laku Beretika Kaunselor di Malaysia	139
64	Ringkasan Hubungan antara Konstruk Kepercayaan Etika Dan Tingkah Laku Beretika di Malaysia	139
65	Ringkasan Hubungan antara Orientasi Prinsip dan Tingkah Laku Beretika Kaunselor di Malaysia	140
66	Koefisiensi Anggaran Model Tingkah laku Beretika dan Pengetahuan Etika	143
67	Analisis Varians Tingkah Laku Beretika dan Pengetahuan Etika	143
68	Koefisiensi Anggaran Model Tingkah Laku Beretika dan Kepercayaan Etika	146
69	Analisis Varians Tingkah Laku Beretika dan Kepercayaan Etika	146
70	Koefisiensi Anggaran Model Tingkah Laku Beretika dan Orientasi Prinsip Etika	148
71	Analisis Varians Tingkah Laku Beretika dan Orientasi Prinsip Etika	148

72	Koefisyen Anggaran Model Tingkah Laku Beretika	150
73	Koefisyen Regresi Berganda	151
74	Ringkasan Keputusan Analisis Data Kajian	152



SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Model Penilaian Kritikal	48
2	Model Orientasi Etika	51
3	Kerangka Teoritikal Kajian	56
4	Kerangka Konseptual Kajian	71
5	Prosedur Persampelan Rawak Mudah	75
6	Prosedur Pengumpulan Data Kajian	101

SENARAI SINGKATAN

a	Peramal dalam persamaan regresi
α	Pekali alpha Cronbach
ACA	<i>American Counseling Association</i>
AIDS	<i>Acquired Immunodeficiency Syndrome</i>
Akta 580	Akta Kaunselor 1998
ANOVA	<i>Analysis of Variance</i>
ANSIE-C	<i>The Adult Nowicki-Strickland Internal External Scale-College</i>
APA	<i>American Psychological Association</i>
'Aql	Akal
$b_1 \dots b_x$	Konstan dalam analisis regresi
BACP	<i>British Association for Counselling and Psychotherapy</i>
Bil.	Bilangan
CACREP	<i>Council for Accreditation of Counseling and Related Educational Program</i>
d	Saiz kesan bagi ujian- <i>t</i>
DIT	<i>Definition Issues Test</i>
dk	Darjah Kebebasan
DV	Pemboleh Ubah Bersandar
EDMS	<i>Ethical Decision-Making Scale</i>
EDMS-R	<i>Ethical Decision-Making Scale-Revised (EDMS-R)</i>
ELICQ	<i>Ethical and Legal Issues in Counselling Questionnaires</i>
ELICQ-R	<i>Ethical and Legal Issues in Counselling Questionnaires - Revised</i>
EQ98	<i>The Ethics Quiz for School Counselor</i>
et al.	dan rakan-rakan
ES	Kesan saiz populasi
F	Taburan F
G* Power	Analisis perisian G*Power
HIV	Sindrom kurang daya tahan penyakit

H_0	Hipotesis Nul
$'ilm$	Sains
<i>Iman</i>	Kepercayaan individu
IMED	<i>Intercultural Model of Ethical Decision Making</i>
IV	Pemboleh Ubah Tidak Bersandar
K.B	Kaunselor Berdaftar
KPLI	Kursus Pendidikan lepasan Ijazah
LKM	Lembaga Kaunselor Malaysia
m	Min populasi
MAKUMA	Majlis Kaunseling dan Kerjaya Universiti-Universiti Malaysia
MGKK	Majlis Guru Kaunseling Kebangsaan
N	Saiz sampel
n	Bilangan Subjek
<i>nafs</i>	Nafsu
NBCC	<i>National Board of Certified Counselor</i>
p	Signifikan
PAKAR	Persatuan Kaunselor Berdaftar Malaysia
P.A	Perakuan Amalan
<i>Qalb</i>	Entiti kerohanian
PEKA	Persatuan Kaunselor Pendidikan Malaysia
PERKAMA International	Persatuan Kaunseling Antarabangsa Malaysia
PERKAMARA	Persatuan Guru Kaunselor Majlis Amanah Rakyat
Ph.D	Ijazah Doktor Falsafah
r	Pekali Korelasi
R	<i>Multiple Correlation Coefficient</i>
R^2	Nilai R Kuasa Dua (R squared)
<i>Ruh</i>	Roh
S.A.W	Shallalahu 'alaihi Wa Sallam
<i>Self</i>	Kendiri manusia
Skor-P	Skor Prinsip Indeks
SPADA	<i>Speciality Program in Alcohol and Drug Abuse</i>

S.P	Sisihan Piawai
SPSS	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
S.W.T	Subhanahu wa Ta'ala (Allah yang Maha Suci dan Maha Tinggi)
<i>t</i>	Ujian- <i>t</i>
TESL	Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua
VIF	<i>Variance Inflation Factor</i>
WUSCT	<i>Washington University Sentence Completion-Test</i>
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
X	Konstruk pemboleh ubah
Y'	Subjek dalam pemboleh ubah bersandar yang diramalkan
Γ	Gamma
μ	Min sampel
%	Peratus

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bidang kaunseling semakin diterima oleh masyarakat Malaysia dan dapat dibuktikan dengan kewujudan jawatan kaunselor, pegawai psikologi (kaunselor), guru bimbingan dan kaunseling serta penasihat pelajar dalam organisasi-organisasi awam dan swasta seperti di sekolah, universiti awam, universiti swasta, Jabatan Kebajikan Masyarakat, badan berkanun, badan keselamatan dan pertahanan, institusi kesihatan dan juga pusat pemulihan.

Jika sedekad yang lalu, hanya jawatan guru bimbingan dan kaunseling wujud di sekolah tetapi sejak tahun 2000 jawatan penasihat pelajar, kaunselor dan pegawai psikologi (kaunselor) telah ditawarkan di kebanyakan institusi dan organisasi. Walaupun mempunyai pelbagai gelaran tetapi fungsi dan perkhidmatan kaunseling hampir sama iaitu memberi bimbingan, kaunseling, perundingan, psiko-pendidikan, motivasi dan sebagainya.

Kerjaya sebagai kaunselor merupakan profesi yang semakin berkembang dari masa ke masa. Othman Mohamed (2000) mendefinisikan kaunseling sebagai suatu proses menolong yang melibatkan interaksi dua hala antara orang yang memberi pertolongan (kaunselor) dengan orang yang menerima pertolongan (klien) dalam suasana yang muhibah, kesedaran dan saling memahami.

Akta Kaunselor 1998 (Akta 580) pula mendefinisikan kaunseling sebagai proses yang sistematik untuk membantu perhubungan berdasarkan prinsip-prinsip psikologi yang dilaksanakan oleh kaunselor berdaftar mengikut kod etika kaunseling untuk mencapai suatu perubahan, kemajuan dan penyesuaian yang holistik, baik dan sukarela pada diri klien supaya perubahan, kemajuan dan penyesuaian tersebut akan berterusan sepanjang hayat klien (Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, 2001).

Ketika proses kaunseling dijalankan, berlaku poses kesedaran kendiri oleh klien dan kesedaran ini diperoleh hasil daripada interaksi dan usaha yang berlangsung antara kaunselor dan klien dalam suasana yang terapeutik. Ketika proses kaunseling dijalankan, kaunselor membantu klien mendalam diri dan masalah mereka dan menghasilkan kesedaran kendiri yang dapat membantu klien meleraikan isu dan permasalahan yang dihadapi.

Perkhidmatan kaunseling yang ditawarkan tidak boleh dijalankan sesuka hati kerana bidang kaunseling dan kerjaya sebagai kaunselor merupakan bidang yang

profesional setanding dengan kerjaya profesional yang lain seperti peguam, doktor, akauntan, guru dan jurutera. Perkhidmatan kaunseling melibatkan perkongsian maklumat yang berkaitan emosi, perasaan, pemikiran dan juga kehidupan klien. Klien yang hadir ke sesi kaunseling untuk berkongsi, meluah perasaan dan menceritakan masalah mereka mempunyai andaian bahawa apa yang diberitahu wajib dijaga oleh kaunselor serta dirahsiakan daripada orang lain. Isu yang diceritakan oleh klien akan dirahsiakan mengikut kes yang dialami oleh klien serta berdasarkan limitasi dan had kerahsiaan dalam amalan kaunseling.

Kelayakan kaunselor di Malaysia agak berbeza dengan kaunselor di negara barat seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, New Zealand dan Australia di mana kelayakan kaunselor di Malaysia perlulah sekurang-kurangnya mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang kaunseling.

Negara barat pula, kaunselor perlu sekurang-kurangnya mempunyai kelayakan di peringkat Ijazah Sarjana dalam bidang kaunseling bagi melayakkan individu tersebut menjadi kaunselor (Muhd. Mansur Abdullah dan Siti Nordinar Mohd Tamin, 2010; Ng Haw Kuen, 2012). Kelayakan yang disyaratkan merupakan satu tanda aras bagi mengukur kemahiran dan kemampuan seseorang kaunselor dari segi kurikulum dan latihan amali (latihan praktikum dan internship) yang telah diterima.

Bidang kaunseling di Malaysia mempunyai piawaian tertentu yang perlu dipenuhi oleh pengamalnya seperti mengikuti latihan secara formal dengan kurikulum yang standard serta diiktiraf oleh Lembaga Kaunselor Malaysia. Termaktubnya Akta 580, bidang kaunseling telah diperakui dan diiktiraf sebagai perkhidmatan profesional di Malaysia (Jawatankuasa Teknikal Pendidikan dan Latihan Lembaga kaunselor, 2003).

Lembaga Kaunselor Malaysia (2011) menyatakan bahawa dalam Piawaian dan Kelayakan Latihan Kaunselor, kurikulum program kaunseling yang ditawarkan di universiti awam dan swasta di Malaysia perlulah diiktiraf oleh Lembaga Kaunselor. Kurikulum yang ditetapkan oleh Lembaga Kaunselor Malaysia selari dengan piawaian yang telah ditentukan oleh badan akreditasi di Amerika Syarikat iaitu *Council for Accreditation of Counseling and Related Education Programs* (CACREP) dan *National Board of Certified Counselors* (NBCC). Semakan kurikulum daripada Lembaga Kaunselor Malaysia membolehkan kursus-kursus yang ditawarkan dipantau daripada awal oleh pihak Lembaga Kaunselor Malaysia agar memenuhi kriteria yang digariskan di peringkat kebangsaan seterusnya melahirkan kaunselor yang bertingkah laku secara beretika, berpengetahuan, berkemahiran, berkualiti, efektif.

Kursus kaunseling yang ditawarkan di universiti tempatan sama ada di universiti awam atau swasta perlu memenuhi jumlah kredit minimum bagi komponen kaunseling. Jumlah jam kredit Ijazah Sarjana Muda adalah sebanyak 81 jam kredit

manakala pada peringkat Ijazah Sarjana adalah 48 jam kredit bagi peringkat Ijazah Sarjana (Jawatankuasa Teknikal Pendidikan dan Latihan Lembaga Kaunselor, 2011).

Program kaunseling yang ditawarkan mestilah mempunyai beberapa kursus teras yang meliputi pertumbuhan dan perkembangan manusia, perhubungan menolong, kepelbagaiannya sosial dan budaya, kerja kelompok, perkembangan kerjaya, penaksiran, penyelidikan dan penilaian program, identiti profesional, praktikum kaunseling, internship kaunseling serta kursus-kursus elektif dan projek penyelidikan (Jawatankuasa Teknikal Pendidikan dan Latihan Lembaga Kaunselor, 2011). Pematuhan kepada piawaian dan kelayakan latihan kaunselor yang ditetapkan akan melayakkan graduan kaunseling yang akan bergraduat untuk berdaftar sebagai kaunselor berdaftar dan melaksanakan praktis kaunseling serta amalan kaunseling di Malaysia.

Setiap kaunselor yang berkelayakan perlu mendaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia sebagai Kaunselor Berdaftar (K.B) dan mendapat sijil perakuan amalan atau (P.A) bagi melaksanakan perkhidmatan kaunseling di Malaysia. Sijil perakuan amalan yang diterima perlu diperbaharui setiap dua tahun sekali agar perkhidmatan kaunseling sentiasa dapat dipantau oleh Lembaga Kaunselor.

Lembaga Kaunselor Malaysia hanya menerima kelayakan minimum ijazah sarjana muda bagi tujuan pendaftaran Kaunselor Berdaftar. Menurut Lembaga Penyelidikan Undang-undang (2001), dalam Akta 580, Bahagian IV, Seksyen 22 hingga 23, individu yang menjalankan amalan kaunseling tanpa mempunyai lesen Kaunselor Berdaftar dan tidak mempunyai Perakuan Amalan (P.A) yang sah boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit, dikenakan prosiding tatatertib di mahkamah atau dipenjarakan. Individu yang mengamalkan kaunseling tanpa berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia juga telah melanggar undang-undang mengikut Akta 580.

Lembaga Kaunselor Malaysia juga menyediakan Kod Etika Kaunselor yang menerangkan etika dan tatalaku yang perlu dilaksanakan oleh kaunselor ketika menjalankan perkhidmatan kaunseling. Selain itu, pihak Lembaga Kaunselor Malaysia juga berperanan untuk melindungi Kaunselor Berdaftar jika disabitkan kesalahan etika dan jika dikenakan tindakan tatatertib yang melibatkan amalan dan perkhidmatan kaunseling.

Akta 580 jelas menunjukkan bukan semua individu boleh menggelarkan dirinya kaunselor dengan syarat individu tersebut terlatih, mempunyai pengetahuan dan kelayakan dalam bidang kaunseling yang diiktiraf serta berdaftar dengan Lembaga Kaunselor. Pihak Lembaga Kaunselor Malaysia juga menetapkan kaunselor yang telah memenuhi syarat dan kurikulum serta menghadiri sesi temuduga sebagai salah satu syarat ujian lisan sebelum didaftarkan sebagai kaunselor berdaftar. Pendaftaran kaunselor amat penting bagi pemantauan dilakukan oleh pihak Lembaga Kaunselor

Malaysia seterusnya mengekalkan profesionalisme kerjaya sebagai kaunselor yang profesional di Malaysia. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir individu yang tidak berdaftar dan kaunselor yang tidak berdaftar di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia yang menjalankan perkhidmatan kaunseling sama ada di organisasi kerajaan, badan berkanun atau swasta.

Perdaftaran Kaunselor, Perakuan Amalan dan Memperbaharui Perakuan Amalan Kaunselor amat penting bagi individu yang menjalankan amalan kaunseling tidak kira sebagai kaunselor di mana-mana organisasi, guru bimbingan dan kaunseling di sekolah dan juga pendidik kaunselor (pensyarah dalam bidang kaunseling). Di universiti, pendaftaran kaunselor (lesen kaunselor berdaftar) dan Perakuan Amalan amat penting bagi memastikan pensyarah kaunseling menjalankan tanggungjawab sebagai pendidik kaunselor yang profesional.

Lesen Kaunselor Berdaftar dan Perakuan Amalan juga merupakan salah satu syarat bagi pendidik kaunselor untuk mengajar subjek-subjek kaunseling, menyelia pelajar ketika Praktikum dan Internship Kaunseling. Dengan adanya lesen Kaunselor Berdaftar dan Perakuan Amalan, pendidik kaunselor akan lebih berintegriti dan profesional dalam proses pengajaran dan pembelajaran, amali kaunseling, penyeliaan dan penyelidikan dalam bidang kaunseling.

Bagi menjamin keyakinan terhadap sesuatu kerjaya yang profesional, ia perlu mempunyai kod etika tertentu bagi memberi panduan dan bimbingan kepada ahlinya dalam mengamalkan kerjaya mereka dan memberi perkhidmatan mereka dalam masyarakat. Profesion yang profesional dikawal selia oleh badan yang piawai contohnya di Amerika Syarikat, *National Board for Certified Counselor* (NBCC), *American Counseling Association* (ACA) dan *American Psychological Association* (APA) telah ditubuhkan bagi mengawal selia perkhidmatan kaunseling dan psikologi di Amerika Syarikat.

Begitu juga di Malaysia, Kod Etika Kaunselor dan Akta 580, Lembaga Kaunselor Malaysia telah diwujudkan bagi memberi panduan dalam perkhidmatan kaunseling di Malaysia. Berdasarkan kod etika dan peraturan yang telah digariskan maka setiap perkhidmatan kaunseling yang akan dijalankan oleh kaunselor mestilah berdasarkan garis panduan dan piawaian yang telah disediakan oleh Lembaga Kaunselor Malaysia. Setiap kaunselor di Malaysia sepatutnya mematuhi peraturan dan piawaian yang disediakan agar hak klien, kaunselor dan masyarakat dapat diseimbangkan dan kebijakan semua pihak dapat dijaga.

1.2 Latar Belakang Kajian

Terma etika dan moral sering digunakan dalam setiap profesi khususnya dalam profesi menolong. Etika merupakan prinsip umum yang merujuk kepada pelbagai teori mengenai tingkah laku yang diterima. Pelbagai teori menerangkan tentang

aspek etika dan setiap teori mempunyai pandangan yang berbeza mengenai tingkah laku yang baik, diterima atau betul (Cottone dan Tavydas, 2003). Teori etika seperti Teori Etika Utilitarianism, Teori Etika Deontologi (Teori Etika Kantian) serta Teori Etika Kebaikan (*Virtue*) mempunyai perbezaan pandangan mengenai tindakan etika dan moral yang perlu diambil apabila melibatkan konflik moral dan etika (Thiroux dan Krasemann, 2012; Kaptein dan Wempe, 2002).

Menurut Bradley dan Hendricks (2008) pula, etika didefinisikan sebagai satu disiplin di dalam falsafah berkenaan kelakuan manusia. Menurutnya lagi menjadi kaunselor yang berpengetahuan tentang etika profesional merupakan seorang kaunselor yang bertanggungjawab. Hal ini bermakna untuk menjadi seorang kaunselor yang bertanggungjawab, komponen penting yang harus dipenuhi adalah mempunyai pengetahuan tentang etika serta memahami kod etika yang digunakan di dalam profesion.

Individu yang bergelar kaunselor bukan sahaja mempunyai ilmu pengetahuan berkaitan etika tetapi perlulah mengaplikasikannya semasa memberikan perkhidmatan kaunseling. Contohnya di dalam kaunseling individu, pengetahuan tentang etika sangat penting kerana dapat membantu kaunselor menentukan sama ada klien dilayan secara bermaruah dan dihormati, mendapat rawatan yang bersesuaian atau tidak dan menerima perkhidmatan kaunseling yang efektif.

Menurut Bradley dan Henricks (2008) lagi, etika merupakan ciri utama untuk menentukan klien mendapat kemudarat atau tidak sama ada secara fizikal, mental atau psikologi. Prinsip etika juga menetapkan bahawa tidak memudaratkan klien atau *non-malficence* sebagai prinsip etika yang amat penting dalam profesion menolong. Jadi kaunselor perlu memenuhi ciri-ciri kaunselor yang bertanggungjawab iaitu menjadi kaunselor yang beretika agar selaras dengan prinsip etika yang telah ditetapkan.

Tambahan lagi, kaunselor tidak boleh memberikan alasan tidak tahu atau tiada orang memaklumkan kepada mereka tentang etika kerana kaunselor bertanggungjawab untuk mengetahui, memahami dan melaksanakan prinsip-prinsip yang telah termaktub di dalam Kod Etika Kaunselor.

Subjek etika juga diajar seawal Ijazah Sarjana Muda di sesetengah universiti di Malaysia secara kursus teras dan ada universiti yang turut memasukkan komponen etika dalam subjek-subjek lain (Jawatankuasa Teknikal Pendidikan dan Latihan Lembaga Kaunselor, 2011). Secara kesimpulannya, etika merupakan tanggungjawab utama kaunselor dan tanpa kod etika serta perlaksanaan etika, kaunselor boleh menyebabkan kemudarat kepada klien dan boleh menjaskan profesion kaunselor.

Ahli profesional kesihatan mental seperti pegawai psikologi, kaunselor dan ahli klinikal kesihatan mental sering berdepan dengan kesukaran untuk membuat keputusan apabila berdepan dengan isu yang berkaitan dengan dilema etika. Contohnya dalam kes klien yang menghidap sindrom kurang daya tahan penyakit (HIV), kaunselor sukar untuk mendedahkan kerahsiaan dan melindungi pihak ketiga kerana tindakan untuk mendedahkan kerahsiaan boleh merosakkan hubungan terapeutik antara kaunselor dan klien serta menyebabkan kemudaratan kepada kesejahteraan klien dan pihak ketiga yang terlibat.

Sebaliknya jika kaunselor mengekalkan kerahsiaan, ia mendatangkan bahaya dan kemudaratan secara emosi, fizikal dan mental ke atas pihak ketiga contohnya pasangan klien (Chenneville, 2000). Pernyataan ini dapat menunjukkan betapa pentingnya tingkah laku yang beretika bagi seseorang kaunselor dalam perkhidmatan mereka. Keputusan yang diambil oleh kaunselor akan menentukan tingkah laku etika yang sering diamalkan oleh kaunselor seterusnya menentukan baik buruk risiko yang akan dihadapi oleh klien dalam permasalahan yang dihadapi.

Menurut Chenneville (2000) lagi, semasa membuat keputusan yang bertanggungjawab, pengamal kesihatan mental seperti kaunselor, pegawai psikologi dan ahli klinikal perlu berhati-hati memeriksa faktor-faktor perundangan dan terapeutik yang terlibat dalam situasi yang dihadapi. Hal ini melibatkan risiko berbahaya kepada pihak terlibat contohnya pihak ketiga seperti kes Sindrom Daya Tahan Penyakit (HIV) yang melibatkan penyebaran virus yang berbahaya dan boleh membawa maut. Oleh yang demikian, pengamal kesihatan mental seperti kaunselor perlu mempunyai pengetahuan dalam pelbagai aspek seperti pengetahuan mengenai kod etika dan perundangan yang boleh membantu kaunselor bertindak sama ada kaunselor bertindak secara beretika atau tidak beretika.

Kaunselor yang efektif perlu mempunyai pengetahuan etika dan undang-undang yang mantap dan mempunyai kemahiran untuk mengintegrasikan kod etika kepada keadaan dan klien yang pelbagai. Kaunselor yang sedang berkhidmat juga tidak boleh memberi alasan bahawa mereka tidak tahu atau tidak mempelajari etika kaunseling. Kurikulum latihan kaunselor juga telah menentukan subjek etika merupakan subjek teras (wajib) di bawah komponen identiti profesional.

Selain itu, kaunselor yang bergraduat sekurang-kurangnya mempunyai pengetahuan berkaitan etika kerana hampir setiap kursus kaunseling akan memberikan pendedahan berkaitan etika sepanjang program yang diikuti (Jawatankuasa Teknikal Pendidikan dan Latihan Lembaga kaunselor, 2011). Jadi kaunselor sepatutnya mempunyai pengetahuan etika kaunseling bagi membimbing mereka berdepan dengan dilema etika sepanjang menjalankan amalan kaunseling.

Selain itu, kaunselor juga perlu sentiasa menambah ilmu pengetahuan berkaitan etika walaupun telah berkhidmat lama di organisasi. Pengetahuan etika penting agar kaunselor sentiasa mengemaskini maklumat berkaitan etika yang terbaru selaras dengan arus kemodenan Negara yang semakin pesat membangun. Di luar negara contohnya di Texas, sejak tahun 1995 lagi, setiap kaunselor yang ingin memperbaharui lesen kaunselor perlu mengikuti pendidikan berterusan berkaitan etika kaunseling sekurang-kurangnya sebanyak 6 jam kredit (Zibert, Engels, Kern dan Durodoye, 1998). Walau bagaimanapun, di Malaysia pra-syarat untuk pendidikan berterusan berkaitan etika masih belum dilaksanakan ketika kaunselor ingin memperbaharui perakuan amalan mereka di Lembaga Kaunselor.

Di Malaysia, terdapat segelintir guru bimbingan dan kaunseling atau kaunselor organisasi yang tidak mempunyai Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana dalam bidang kaunseling tetapi hanya mengikuti kursus 14 minggu atau kursus Perguruan Lepasan Ijazah yang mengkhususkan asas kaunseling selama 9 bulan tetapi mempraktikkan kaunseling kerana dilantik menjadi guru bimbingan dan kaunseling sepenuh masa di sekolah (Johari Talib, 2009).

Pada tahun 1996, guru kaunseling secara sepenuh masa telah dilantik bagi memenuhi keperluan guru bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah (Surat Pekeliling Ikhtisas, Bilangan 3/1996). Guru bimbingan dan kaunseling turut digalakkan untuk terlibat dalam seminar dan bengkel yang sentiasa membantu kaunselor meningkatkan pengetahuan sedia ada mereka tidak terkecuali pengetahuan berkaitan etika kaunseling.

Kaunselor perlu mempunyai pengetahuan etika kaunseling, kod etika kaunseling serta mempunyai pengetahuan dalam membuat pertimbangan dalam etika khususnya apabila berdepan dengan dilema etika. Menurut Kod Etika , *American Counseling Association* (2014), kaunselor pendidik (pensyarah kaunseling) bertanggungjawab untuk memberi pendedahan dan membantu pelajar serta pelajar yang diselia agar peka terhadap tanggungjawab etika.

Selain itu kaunselor pendidik juga bertanggungjawab untuk mendedahkan pertimbangan etika sepanjang kurikulum. Pendedahan ini tidak terangkum dalam subjek etika sahaja tetapi turut didedahkan dalam subjek-subjek kaunseling yang lain seperti subjek kaunseling individu, kaunseling keluarga dan kelompok, teori kaunseling dan sebagainya.

Jadi kaunselor yang sedang berkhidmat tidak dapat lari daripada memberi alasan tidak tahu atau tidak mempelajari etika semasa di peringkat latihan kerana mereka telah didedahkan oleh kaunselor pendidik di peringkat universiti mengenai etika dan pertimbangan etika dalam kaunseling.

Meara, Schmidt dan Day (1996) berpendapat bahawa kaunselor yang tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam kaunseling boleh meningkatkan kemudaratan kepada klien. Walaupun Meara, et. al. (1996) tidak mengkhususkan pengetahuan dan kemahiran kaunseling yang perlu ada tetapi pengetahuan kaunseling seperti pengetahuan etika amat penting untuk diketahui oleh kaunselor agar tidak mendatangkan kemudaratan kepada klien.

Pengetahuan etika kaunseling yang penting perlu diketahui oleh kaunselor seperti yang dicadangkan oleh CACREP adalah merangkumi beberapa elemen seperti identiti profesional, terma etika dan perundangan, prinsip membuat keputusan beretika, kerahsiaan, bunuh diri dan keganasan klien, penderaan dan pengabaian, rekod kaunseling dan pendidikan, pendidikan dan hak perundangan sivil, perkembangan dan kesejahteraan kaunselor serta diskriminasi etika dan perundangan (Ieva, 2010).

Kepercayaan etika kaunselor penting dalam tingkah laku beretika kaunselor. Apabila kaunselor telah berdepan dengan situasi yang pernah dialami, kaunselor percaya untuk bertindak dalam sesuatu dilema etika. Menurut Herman, Legget dan Remley (2008), kaunselor rasa lebih bersedia untuk berdepan dengan situasi yang selalu berlaku. Apabila kaunselor sering berdepan dengan situasi dilema etika, maka kaunselor lebih bersedia untuk mengambil apa-apa tindakan apabila berdepan dengan situasi tersebut.

Kaunselor sering terlibat dalam pelbagai dilema etika yang melibatkan isu kerahsiaan, persetujuan termaklum, hubungan pelbagai yang melibatkan hubungan seksual dan bukan seksual, kecekapan dan sebagainya. Keputusan beretika dapat memberi kesan kepada tingkah laku beretika yang diamalkan dalam perkhidmatan kaunseling serta dapat membantu kaunselor berdepan dengan dilema etika yang berlaku.

Amalan etika yang salah juga boleh menyebabkan salah laku etika contohnya dalam kajian Leung, Leung dan Chan (2003) yang menyatakan bahawa hubungan pelbagai adalah diterima dalam budaya di Hong Kong dan diamalkan dalam perkhidmatan kaunselor di sana. Amalan seperti ini adalah salah dan jika diteruskan boleh mendorong kemudaratan kepada klien. Jadi keputusan yang dibuat boleh mempengaruhi cara kaunselor bertingkah laku secara beretika apabila berdepan dengan situasi dilema etika.

1.3 Pernyataan Masalah

Pengetahuan etika penting kepada kaunselor dalam tingkah laku beretika dalam amalan kaunseling (Solomonson, Roaten dan Sawyer, 2011; Ieva, 2010; Johari Talib, 2009; Lambie, Hagedorn dan Ieva, 2010; Kocher dan Keith-Spielgel, 1998). Kajian menunjukkan pengetahuan etika mempunyai hubungan dengan tingkah laku etika

kaunselor. Di Malaysia juga terdapat segelintir kaunselor yang berkhidmat terutamanya di sekolah yang tidak mempunyai latihan intensif di peringkat ijazah dalam bidang kaunseling (Johari Talib, 2009). Ada sebahagian kaunselor yang dilantik oleh pihak Jabatan Pelajaran Negeri untuk menjadi guru bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1996 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1996).

Tiada latihan intensif selama 4 tahun dalam bidang kaunseling boleh menyebabkan kaunselor atau guru bimbingan dan kaunseling tidak mempunyai pengetahuan etika yang mencukupi. Selain itu terdapat kursus lepasan ijazah di institusi pendidikan guru yang hanya mempunyai jangka masa yang singkat dan kompenan kaunseling tidak dapat diberikan penekanan sepenuhnya (Johari Talib, 2009).

Pengetahuan yang tidak mencukupi boleh memberi kesan kepada tindakan yang diambil oleh kaunselor dalam dilema yang dihadapi. Kajian Lambie dan Hagedorn (2010) menunjukkan pengetahuan etika dan perundangan sepanjang 13 minggu kursus etika dapat meningkatkan keputusan beretika yang memberi panduan apakah tindakan yang akan dibuat oleh kaunselor pelatih. Kajian ini menunjukkan bahawa pentingnya pengetahuan etika bagi seorang kaunselor agar tindakan yang diambil adalah bersesuaian dan beretika serta tidak memudarangkan mana-mana pihak.

Kajian melibatkan dilema etika selalu dijumpai disebabkan berlaku percanggahan antara kepercayaan etika kaunselor mengenai apa yang kaunselor perlu lakukan dengan apa yang sepatutnya kaunselor lakukan (Sperry, 2007; Stauffer, Ordway dan Owen, 2013; Elliot, 2011; Leung, Leung dan Chan, 2003). Kepercayaan etika yang bercanggah mendorong kemudaratan kepada klien di dalam sesi kaunseling (Leung, Leung dan Chan, 2003).

Di Alabama, pengamal etika di sana mencadangkan kaunselor yang tidak mematuhi panduan etika agar meninggalkan kerjaya kaunseling (Elliot, 2011; Hermann dan Herlily, 2006; Remley dan Herlily, 2007). Terdapat beberapa kes di luar negara yang melibatkan kepercayaan klien terhadap tingkah laku beretika telah berlaku iaitu kes *Keeton v. Anderson-Wiley* (2010) dan Kes *Ward v. Wilbanks* (2010, 2012). Jadi kajian ini penting untuk mengetahui hubungan kepercayaan etika kaunselor terhadap tingkah laku beretika kaunselor di Malaysia.

Apabila terdapat panduan etika yang tidak jelas, kaunselor cenderung untuk bergantung kepada sistem nilai dan pemahaman kod etika yang sedia ada (Sherry, 2007; Wlikin, McGuire, Abbot dan Blau, 1990). Kaunselor perlu berhati-hati dalam membuat keputusan etika. Pertimbangan etika dalam membuat keputusan dalam dilema etika penting kerana pertimbangan yang salah boleh mendorong kesilapan besar dalam kehidupan klien dan pihak yang terlibat contohnya boleh mendatangkan kematian (Pope dan Vasquez, 2011).

Pengkaji ingin menjalankan kajian ini kerana orientasi prinsip amat penting dalam perkhidmatan kaunseling. Jika kaunselor tersilap dalam membuat keputusan (contohnya Kes *Tarasoff v. Regents of the University of California*, 1976; *Keeton v. Anderson-Wiley*, 2010 dan Kes *Ward v. Wilbanks*, 2010, 2012) berkemungkinan keadaan tersebut boleh mendatangkan kemudaratan dan bahaya kepada klien, mengancam nyawa klien, kaunselor dan juga individu lain yang terlibat. Kemudaratan yang berlaku bukan sahaja melibatkan kemudaratan fizikal dan emosi tetapi boleh menjadi penyebab kematian pihak terlibat. Jadi kajian mengenai pengaruh orientasi prinsip etika terhadap tingkah laku beretika kaunselor amat penting dan perlu dikaji khususnya di Malaysia. Kajian mengenai pengaruh orientasi prinsip etika terhadap tingkah laku beretika dalam kalangan kaunselor juga masih berkurangan dan perlu dipertingkatkan di Malaysia.

Tingkah laku kaunselor di Malaysia juga tidak dapat dipantau sepenuhnya oleh Lembaga Kaunselor Malaysia kerana ramai kaunselor di Malaysia masih tidak berdaftar dan tidak mempunyai perakuan amalan. Sehingga Januari 2014, jumlah kaunselor berdaftar adalah seramai seramai 5668 orang (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2014). Apabila kaunselor tidak berdaftar, tingkah laku beretika tidak dapat dipantau sepenuhnya oleh Lembaga Kaunselor. Jadi kajian ini ingin mengetahui perbandingan antara tingkah laku beretika kaunselor berdaftar dan kaunselor tidak berdaftar dalam perkhidmatan kaunseling di Malaysia.

1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengetahuan, kepercayaan, orientasi prinsip dan tingkah laku beretika dalam kalangan kaunselor di Malaysia. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti pola faktor demografi (umur, jantina, pengalaman dan kelayakan), pengetahuan etika, kepercayaan etika, orientasi prinsip etika dan tingkah laku beretika kaunselor di Malaysia.
2. Mengenal pasti skor pemboleh ubah pengetahuan etika, kepercayaan etika, orientasi etika (hukuman, institusi, masyarakat, individu dan prinsip) dan pemboleh ubah tingkah laku beretika kaunselor di Malaysia.
3. Mengenal pasti perbezaan pengetahuan etika berdasarkan faktor demografi (umur, jantina, pengalaman dan kelayakan) kaunselor di Malaysia
4. Mengenal pasti perbezaan kepercayaan etika berdasarkan faktor demografi (umur, jantina, pengalaman dan kelayakan) kaunselor di Malaysia
5. Mengenal pasti perbezaan orientasi prinsip berdasarkan faktor demografi (umur, jantina, pengalaman dan kelayakan) kaunselor di Malaysia

6. Mengenal pasti perbezaan tingkah laku beretika berdasarkan faktor demografi (umur, jantina, pengalaman dan kelayakan) kaunselor di Malaysia
7. Mengenal pasti perbezaan pengetahuan etika, kepercayaan etika, orientasi prinsip etika dan tingkah laku beretika antara kaunselor berdaftar dan kaunselor tidak berdaftar di Malaysia.
8. Mengenal pasti hubungan antara pengetahuan etika, kepercayaan etika, orientasi prinsip etika dan tingkah laku beretika kaunselor di Malaysia.
9. Mengenal pasti pengaruh pengetahuan etika, kepercayaan etika, orientasi prinsip etika dan tingkah laku beretika kaunselor di Malaysia.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian di atas, kajian ini menggariskan sembilan (9) persoalan kajian iaitu:

1. Apakah pola faktor demografi (umur, jantina, pengalaman dan kelayakan), pengetahuan etika, kepercayaan etika, orientasi prinsip etika dan tingkah laku beretika kaunselor di Malaysia?
2. Apakah skor pemboleh ubah pengetahuan etika, kepercayaan etika, orientasi etika (hukuman, institusi, masyarakat, individu dan prinsip) dan pemboleh ubah tingkah laku beretika kaunselor di Malaysia?
3. Adakah terdapat perbezaan pengetahuan etika berdasarkan faktor demografi (umur, jantina, pengalaman dan kelayakan) kaunselor di Malaysia?
4. Adakah terdapat perbezaan kepercayaan etika berdasarkan faktor demografi (umur, jantina, pengalaman dan kelayakan) kaunselor di Malaysia?
5. Adakah terdapat perbezaan orientasi prinsip etika berdasarkan faktor demografi (umur, jantina, pengalaman dan kelayakan) kaunselor di Malaysia?
6. Adakah terdapat perbezaan tingkah laku beretika berdasarkan faktor demografi (umur, jantina, pengalaman dan kelayakan) kaunselor di Malaysia?
7. Adakah terdapat perbezaan pengetahuan etika, kepercayaan etika, orientasi prinsip etika dan tingkah laku beretika antara kaunselor berdaftar dan kaunselor tidak berdaftar di Malaysia?
8. Adakah terdapat hubungan antara pengetahuan etika, kepercayaan etika, orientasi prinsip etika dan tingkah laku beretika kaunselor di Malaysia?

9. Adakah terdapat pengaruh pengetahuan etika, kepercayaan etika, orientasi prinsip etika dan tingkah laku beretika kaunselor di Malaysia?

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian amat penting dalam sesuatu kajian. Hipotesis merupakan ramalan pengkaji mengenai keputusan daripada hasil kajian. Hipotesis juga dapat menyatakan jangkaan pengkaji mengenai hubungan antara pemboleh ubah dalam sesuatu kajian (Gay dan Airasian, 2003).

Bagi mencapai objektif kajian, sebanyak tujuh hipotesis utama dan 23 sub-hipotesis kajian telah dibentuk oleh pengkaji. Hipotesis pertama (H_{01}) hingga hipotesis ketujuh (H_{07}) adalah bagi menjawab objektif kajian yang ketiga hingga objektif kajian kesembilan (H_{09}).

Hipotesis yang pertama (H_{01}) bagi mencapai objektif kajian ketiga iaitu:

H_{01} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengetahuan etika berdasarkan faktor demografi (umur, jantina, pengalaman dan kelayakan) kaunselor di Malaysia.

$H_{01\text{ (a)}}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengetahuan etika berdasarkan umur kaunselor di Malaysia.

$H_{01\text{ (b)}}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengetahuan etika berdasarkan jantina kaunselor di Malaysia.

$H_{01\text{ (c)}}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengetahuan etika berdasarkan pengalaman kaunselor di Malaysia.

$H_{01\text{ (d)}}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengetahuan etika berdasarkan kelayakan kaunselor di Malaysia.

Hipotesis yang kedua (H_{02}) bagi mencapai objektif kajian keempat iaitu:

H_{02} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kepercayaan etika berdasarkan faktor demografi (umur, jantina, pengalaman dan kelayakan) kaunselor di Malaysia.

$H_{02\text{ (a)}}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kepercayaan etika berdasarkan umur kaunselor di Malaysia.

$H_{02\text{ (b)}}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kepercayaan etika berdasarkan jantina kaunselor di Malaysia.

$H_{02\text{ (c)}}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kepercayaan etika berdasarkan pengalaman kaunselor di Malaysia.

$H_{o2\ (d)}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kepercayaan etika berdasarkan kelayakan kaunselor di Malaysia.

Hipotesis yang ketiga (H_{o3}) bagi mencapai objektif kajian kelima iaitu:

H_{o3} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara orientasi prinsip etika berdasarkan faktor demografi (umur, jantina, pengalaman dan kelayakan) kaunselor di Malaysia.

$H_{o3\ (a)}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara orientasi prinsip etika berdasarkan umur kaunselor di Malaysia.

$H_{o3\ (b)}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara orientasi prinsip etika berdasarkan jantina kaunselor di Malaysia.

$H_{o3\ (c)}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara orientasi prinsip etika berdasarkan pengalaman kaunselor di Malaysia.

$H_{o3\ (d)}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara orientasi prinsip etika berdasarkan kelayakan kaunselor di Malaysia.

Hipotesis yang keempat (H_{o4}) bagi mencapai objektif kajian keenam iaitu:

H_{o4} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku beretika berdasarkan faktor demografi (umur, jantina, pengalaman dan kelayakan) kaunselor di Malaysia.

$H_{o4\ (a)}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku beretika berdasarkan umur kaunselor di Malaysia.

$H_{o4\ (b)}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku beretika berdasarkan jantina kaunselor di Malaysia.

$H_{o4\ (c)}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku beretika berdasarkan pengalaman kaunselor di Malaysia.

$H_{o4\ (d)}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku beretika berdasarkan kelayakan kaunselor di Malaysia.

Hipotesis yang kelima (H_{o5}) bagi mencapai objektif kajian ketujuh iaitu:

H_{o5} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengetahuan etika, kepercayaan etika, orientasi prinsip etika dan tingkah laku beretika kaunselor berdaftar dan kaunselor tidak berdaftar di Malaysia.

$H_{05\ (a)}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengetahuan etika dalam kalangan kaunselor berdaftar dan kaunselor tidak berdaftar di Malaysia.

$H_{05\ (b)}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kepercayaan etika dalam kalangan kaunselor berdaftar dan kaunselor tidak berdaftar di Malaysia.

$H_{05\ (c)}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara orientasi prinsip etikadalam kalangan kaunselor berdaftar dan kaunselor tidak berdaftar di Malaysia.

$H_{05\ (d)}$: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku beretika dalam kalangan kaunselor berdaftar dan kaunselor tidak berdaftar di Malaysia.

Hipotesis yang keenam (H_{06}) bagi mencapai objektif kajian kelapan iaitu:

H_{06} : Tidak terdapat hubungan antara pengetahuan etika, kepercayaan etika, orientasi prinsip etika dan tingkah laku beretika kaunselor di Malaysia?

$H_{06\ (a)}$: Tidak terdapat hubungan antara pengetahuan etika dan tingkah laku beretika kaunselor di Malaysia?

$H_{06\ (b)}$: Tidak terdapat hubungan antara kepercayaan etika dan tingkah laku beretika kaunselor di Malaysia?

$H_{06\ (c)}$: Tidak terdapat hubungan antara orientasi prinsip etika dan tingkah laku beretika kaunselor di Malaysia?

Hipotesis yang ketujuh (H_{07}) bagi mencapai objektif kajian kesembilan iaitu:

$H_{07\ (a)}$: Tidak terdapat pengaruh pengetahuan etika dan tingkah laku beretika kaunselor di Malaysia.

$H_{07\ (b)}$: Tidak terdapat pengaruh kepercayaan etika dan tingkah laku beretika kaunselor di Malaysia.

$H_{07\ (c)}$: Tidak terdapat pengaruh orientasi prinsip etika dan tingkah laku beretika kaunselor di Malaysia.

$H_{07\ (d)}$: Tidak terdapat pengaruh pengetahuan etika, kepercayaan etika, orientasi prinsip dan tingkah laku beretika kaunselor di Malaysia.

1.7 Signifikan Kajian

Kajian ini berpotensi untuk memberi maklumat mengenai sejauh mana tahap pengetahuan etika, kepercayaan etika, orientasi prinsip etika terhadap tingkah laku beretika kaunselor dalam amalan dan perkhidmatan kaunseling di Malaysia. Pengetahuan etika, kepercayaan etika dan orientasi prinsip etika amat penting bagi

kaunselor dalam membuat pertimbangan mengenai tingkah laku beretika kaunselor di Malaysia.

Pengetahuan etika kaunseling dapat membantu kaunselor berdepan dengan pelbagai klien yang berbagai latar belakang, isu dan masalah. Kaunselor juga dapat mempersiapkan diri dengan pengetahuan etika sebagai persediaan menghadapi klien daripada pelbagai budaya, latar belakang etnik dan pelbagai isu yang diutarakan dalam sesi kaunseling.

Hasil maklumat kajian ini dapat membantu memberi maklumat kepada institusi pengajian tinggi yang menawarkan kursus-kursus kaunseling agar memberikan penekanan terhadap kursus etika yang dijalankan. Kursus etika sering dijadikan salah satu kursus teras atau kursus wajib dalam program kaunseling yang ditawarkan di institusi pengajian tinggi di Malaysia dan di luar negara.

Kursus etika seperti kursus Etika dan Perundangan Kaunseling, Amalan Profesionalisme Kaunseling, Falsafah dan Etika Kaunseling, Isu Etika dan profesionalisme Kaunseling dan isu Etika dan Perundangan Kaunseling ditawarkan di universiti tempatan dan kursus-kursus ini merupakan salah satu teras yang dirangkumkan dalam bahagian identiti profesional kaunseling bagi melengkapkan kaunselor pelatih (pelajar) mengenai etika dalam bidang kaunseling (Jawatankuasa Teknikal Pendidikan dan Latihan Lembaga Kaunselor, 2011).

Kajian ini juga melibatkan responden yang terdiri daripada kaunselor berdaftar dan kaunselor yang tidak berdaftar di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia. Maklumat yang diperolehi mengenai pengetahuan etika, kepercayaan etika, orientasi prinsip etika dan tingkah laku beretika dapat memberi maklumat kepada pihak Lembaga Kaunselor Malaysia untuk memantau amalan kaunselor di seluruh Malaysia.

Selain itu, maklumat tingkah laku beretika antara kaunselor berdaftar dan kaunselor tidak berdaftar dapat membantu Lembaga Kaunselor Malaysia mempergiatkan lagi pemantauan amalan yang beretika dalam kalangan kaunselor dan meningkatkan lagi bilangan kaunselor yang masih lagi tidak berdaftar dengan Lembaga Kaunselor, Malaysia.

Maklumat etika juga diajar dalam kursus-kursus lain seperti kursus kaunseling kerjaya, perundingan, kaunseling individu, kaunseling kelompok, kaunseling keluarga dan perkahwinan. Walau bagaimanapun, masih kurang penekanan diberikan untuk menilai keberkesanannya pengetahuan etika yang diperoleh ketika di universiti dengan penyelesaian masalah etika kaunseling dalam kalangan kaunselor. Jadi kajian ini signifikan bagi memberi maklumat mengenai sejauh mana kesan pengetahuan etika yang dipelajari kepada kaunselor dalam tingkah laku beretika dalam perkhidmatan mereka.

Kajian ini juga dapat memberi maklumat kepada universiti awam dan swasta yang menawarkan program kaunseling bagi memantapkan kursus etika yang diajar di institusi mereka dan memberi persediaan kepada bakal kaunselor dalam menempuh kerjaya sebagai kaunselor kelak.

Kajian ini penting bagi memberi maklumat mengenai tingkah laku beretika kaunselor apabila berdepan dengan dilema atau konflik etika. Maklumat mengenai tingkah laku etika yang diamalkan oleh kaunselor sepanjang berkhidmat sebagai kaunselor dapat memberi kesedaran kepada kaunselor mengenai apakah tingkah laku yang beretika dan tingkah laku tidak beretika yang sering dilakukan oleh mereka sepanjang berkhidmat sama ada di organisasi kesihatan, pendidikan, pertahanan, kebajikan masyarakat dan sebagainya.

Selain itu maklumat mengenai tindakan yang diambil oleh kaunselor dalam isu tertentu dapat memberi panduan kepada kaunselor agar lebih peka dengan tingkah laku beretika yang perlu diamalkan seterusnya dapat membantu kaunselor menilai apakah tingkah laku beretika yang betul dan salah yang telah dan akan diamalkan dalam perkhidmatan.

Selain itu, persatuan-persatuan kaunseling di seluruh Malaysia seperti Persatuan Kaunseling Antarabangsa Malaysia (PERKAMA International), Persatuan Kaunselor Berdaftar Malaysia (PAKAR) dan Majlis Guru Kaunseling Kebangsaan (MGKK), Persatuan Kaunselor Pendidikan Malaysia (PEKA), Persatuan Guru Kaunselor Majlis Amanah Rakyat (PERKAMARA), dan Majlis Kaunseling dan Kerjaya Universiti-Universiti Malaysia (MAKUMA) dapat merangka program-program yang bersesuaian kepada kaunselor khususnya berkaitan etika kaunseling bagi membantu kaunselor meningkatkan tingkah laku yang beretika serta pengetahuan, kepercayaan, dan orientasi prinsip etika seterusnya memantapkan amalan etika kaunseling dalam kalangan pengamal kaunseling.

Program-program yang bakal dirangka dan dilaksanakan dapat membantu para kaunselor meningkatkan ilmu berkaitan etika kaunseling ketika menjalankan perkhidmatan yang diberikan kepada klien dalam pelbagai institusi. Kursus-kursus yang bakal dirangka juga membantu kaunselor meningkatkan tingkah laku yang beretika dan mengurangkan tingkah laku yang tidak beretika dalam kalangan kaunselor. Selain itu, para kaunselor juga dapat dibantu untuk meningkatkan pelbagai aspek etika seperti pengetahuan etika, kepercayaan etika, dan orientasi prinsip etika seterusnya dapat membantu kaunselor berdepan dengan isu dan dilema etika pada masa akan datang.

1.8 Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan kajian yang dikenalpasti di dalam kajian ini. Kajian ini hanya memfokuskan kepada faktor demografi (umur, jantina, pengalaman dan kelayakan) kaunselor sahaja dan tidak dapat digeneralisasikan kepada faktor demografi yang lain seperti tahap pendidikan, status perkahwinan, bangsa, agama dan sebagainya.

Kajian ini juga hanya memberi fokus kepada empat pemboleh ubah sahaja iaitu pengetahuan etika, kepercayaan etika, orientasi prinsip etika dan tingkah laku beretika sahaja. Jadi kajian ini hanya menjurus kepada empat pemboleh ubah sahaja dan tidak dapat digeneralisasikan kepada pemboleh ubah yang lain seperti perkembangan ego, moral intensiti, *virtue* dan sebagainya.

Kajian ini juga hanya tertumpu kepada kaunselor di Malaysia sahaja. Walaupun negara-negara jiran seperti Singapura, Indonesia dan Brunei juga mempunyai kaunselor dalam jabatan mereka sama ada swasta dan kerajaan tetapi pengkaji hanya menumpukan kepada kaunselor dalam negara sahaja. Maklumat daripada kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada kaunselor-kaunselor di negara lain khususnya yang mempunyai budaya yang berbeza seperti negara barat dan timur tengah.

1.9 Definisi Konseptual Dan Operasional

Dalam konteks kajian ini, istilah yang digunakan bagi mewakili pemboleh ubah utama adalah didefinisikan seperti berikut:

1.9.1 Pengetahuan Etika

Definisi konseptual: Pengetahuan merupakan sesuatu yang individu ada dan sesuatu yang individu lakukan (Magnusson dan Nilsson, 2003). Pengetahuan etika dalam kurikulum latihan kaunselor diterapkan dalam bidang identiti profesional yang merangkumi pemahaman tentang kefungsian profesional termasuk sejarah, peranan struktur organisasi, etika, perundangan, pesijilan, pelesenan, piawaian dan pengakreditasian. Pengetahuan etika juga diterapkan dalam bidang-bidang lain seperti penaksiran, kerja kelompok, perkembangan kerjaya, pertumbuhan dan perkembangan manusia, perhubungan menolong, kepelbagaiannya sosial dan budaya, penyelidikan dan penilaian program (Jawatankuasa Teknikal Pendidikan dan Latihan Lembaga Kaunselor, 2003).

Definisi operasional: Dalam konteks kajian ini, pengetahuan etika merujuk kepada skor pengetahuan etika berdasarkan soal selidik *Ethical and Legal Issues in Counselling Questionnaires-Revised* (ELICQ-R) yang dibina dan disemak oleh Lambie, Hagedorn dan Ieva pada tahun 2010 (Lambie, Hagedorn dan Ieva, 2010;

Ieva, 2010). Pengetahuan etika yang dikaji menumpukan beberapa aspek etika yang terdiri daripada pengetahuan etika mengenai identiti profesional; terma etika dan perundangan; prinsip penyelesaian masalah etika; kerahsiaan; isu bunuh diri dan jenayah; penderaan dan pengabaian; rekod kaunseling dan pendidikan; hak sivil dan pendidikan mengikut perundangan; perkembangan dan kesejahteraan kaunselor; serta diskriminasi etika dan perundangan.

1.9.2 Kepercayaan Etika

Definisi konseptual: Menurut Swenson III, Schneller dan Sanders (2009) kepercayaan merupakan pendapat seseorang tentang sesuatu yang betul atau salah terhadap tindakan tertentu dalam perkhidmatan klinikal. Terdapat 9 konstruk kepercayaan etika iaitu; i) tidak mendatangkan kemudarat; ii) amalan dengan kepakaran; iii) tidak mengeksplotasi (isu seksual dan sentuhan fizikal); iv) tidak mengeksplotasi (isu kewangan, yuran dan menerima hadiah); v) tidak mengeksplotasi (isu hubungan dua hala, lain-lain hubungan dua hala dan pengiklanan serta mendapatkan klien); vi) melayan secara hormat dan bermaruah; vii) melindungi kerahsiaan; viii) bertindak hanya dengan persetujuan termaklum; dan x) menggalak kesamaan dan keadilan. Kepercayaan etika adalah keyakinan kaunselor dalam aspek etika khususnya apabila melibatkan dilema etika (Swenson III, Schneller dan Sanders, 2009). Pengkaji mengkaji kepercayaan etika kaunselor iaitu kepercayaan kaunselor mengenai isu atau dilema etika yang wujud sama ada beretika atau tidak beretika dalam amalan kaunselor.

Definisi operasional: Kepercayaan etika merujuk kepada skor kepercayaan etika berdasarkan Soal Selidik *Ethics of Practice Survey* yang dibina telah oleh Pope, Tabachnick dan Keith-Spiegel (1987) bagi mengetahui kepercayaan responden mengenai tingkah laku etika yang diaplikasikan oleh kaunselor di Malaysia.

1.9.3 Orientasi Prinsip Etika

Definisi konseptual: Orientasi prinsip etika merupakan peringkat tertinggi dalam orientasi etika yang diperkenalkan oleh Van Hoose dan Paradise (1979) dalam Model Orientasi Etika. Orientasi prinsip etika merupakan orientasi etika peringkat tertinggi ketika kaunselor ingin membuat keputusan etika. Pada peringkat ini keutamaan diberikan kepada individu dengan mengambil kira kepada akibat perundangan, profesional dan masyarakat. Pada peringkat ini, kebimbangan utama adalah tanggungjawab kepada klien. Faktor yang menentukan tingkah laku kaunselor adalah prinsip pilihan-sendiri daripada suara hati dan formulasi etika dalaman (Van Hoose dan Paradise, 1979). Keputusan kaunselor pada peringkat ini adalah berdasarkan prinsip pilihan sendiri mengikut pilihan hati dan formulasi dalaman etika (Roxane, Dufrene dan Glosoff, 2004; Welfel dan Lipsitz, 1984). Dalaman kaunselor menentukan keputusan yang akan diambil dan menentukan apakah tindakan yang betul yang akan dilakukan (Welfel dan Lipsitz, 1984).

Definisi operasional: Dalam konteks kajian ini, orientasi prinsip etika merujuk kepada skor orientasi prinsip yang diperoleh daripada Soal Selidik *Ethical Decision-Making Scale-Revised* (Dufrene, 2000). Soal selidik ini menggunakan enam dilema yang mengandungi permasalahan kaunseling yang terdiri daripada kaunseling pasangan, klien berkeinginan membunuh diri, klien dengan *Acquired Immunodeficiency Syndrome* (AIDS) yang tidak mengamalkan seks yang selamat, klien yang merupakan seorang kaunselor yang mempunyai mempunyai hubungan seksual dengan klien-kliennya, kaunselor yang berkhidmat di kawasan terpinggir dan penderaan remaja.

1.9.4 Tingkah Laku Beretika

Definisi konseptual: Menurut Swenson III, Schneller dan Sanders (2009) tingkah laku merupakan laporan sendiri oleh responden kajian sama ada mereka terlibat atau tidak dalam tingkah laku tertentu. Tingkah laku etika menurut Teori Deontologi pula adalah tingkah laku yang berlaku apabila seseorang cuba untuk memenuhi tugasnya dengan mengikuti piawaian tertentu secara rapi (Knap dan Vandecreek, 2007). Tingkah laku beretika juga merupakan amalan kaunselor secara beretika mengikut kod etika kaunselor dan undang-undang tempatan yang telah ditetapkan oleh (Neukrug, Milliken, dan Walden, 2001; Leung, Leung, dan Chan, 2003).

